

PENGAJIAN AKIDAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP SILIBUS PENGAJIAN DI UM DAN UKM *

Oleh:
Mohd Fauzi Hamat **

Abstrak

Pengajian akidah adalah antara bidang pengajian penting di Malaysia, bukan sahaja dalam sistem pendidikan formal, tetapi juga dalam sistem pendidikan informal seperti di institusi pendidikan pondok tradisional. Di Malaysia, pengajian akidah yang mula bertapak dalam sistem pendidikan pondok di peringkat awal, akhirnya dimasukkan dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah dan akhirnya pengajian tinggi, termasuk universiti dan kolej. Artikel ini akan cuba menganalisis silibus pengajian akidah yang terdapat dalam kurikulum pengajian tinggi di universiti-universiti awam di Ma-

* Artikel ini pada asalnya merupakan kertas kerja yang dikemukakan untuk pembentangan dalam *Seminar Pengkajian Islam Di Perguruan Tinggi Islam: Malaysia-Indonesia*, anjuran Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Gontor dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 6-7 Mei 2006 di ISID, Gontor, Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia. Beberapa perubahan minor dibuat terhadap kertas asal dengan tumpuan penulisan hanya difokuskan terhadap silibus pengajian akidah di UM dan UKM sahaja.

** Mohd Fauzi Hamat, Ph.D, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, merangkap Penyelaras Program Pengajian Islam, APIUM.

laysia yang menawarkan pengajian dalam bidang tersebut. Analisis akan dibuat dengan membandingkan antara silibus pengajian akidah di peringkat Ijazah Pertama yang ditawarkan oleh dua buah universiti awam terpilih di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tumpuan penelitian dan penilaian akan dibuat terhadap kandungan silibus tersebut demi menentukan sejauh mana ia sesuai diterapkan dalam sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi awam masa kini.

Katakunci: Akidah; Pengajian, Sukatan, Masalah, Cabaran; Institusi Pengajian Tinggi Awam; Universiti Malaya; Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

The study of aqīdah is the most significant part in the Islamic educational system, formal or informal. In Malaysia, the study began in informal traditional system especially in 'pondok institution.' In the later development, this study was introduced into the national educational system beginning from primary school to institution of higher learning. This article analyses the syllabi of aqīdah in government universities in Malaysia. The analysis is focused on the undergraduate syllabi of Aqīdah of The University of Malaya (UM) and The National University of Malaysia (UKM). The author uses content analysis to study whether this syllabus is relevant to our national educational system of higher learning or not by taking into consideration factors like the changing world, globalization challenges and the reality of ummah especially in Malaysia. Some recommendations are made to strengthen the content of the syllabus.

Keywords: Aqīdah; Teaching, Syllabus, Problems, Challenges; Public Higher Educational Institution; University of Malaya; National University of Malaysia

Pendahuluan

Pengajian akidah adalah antara bidang pengajian penting di Malaysia. Kepentingan akidah dalam kurikulum pengajian Islam bukan sahaja dilihat dari sudut silibus pengajian atau pokok perbincangan Usuluddinnya yang mendasari seluruh ajaran Islam, tetapi juga dari sudut kemampuannya untuk mempertahankan jatidiri umat Islam dan membangun seluruh potensi ummah sejak zaman berzaman. Pengajian yang berpusat kepada persoalan ketuhanan ini terbukti telah berjaya mencetuskan perubahan ketara dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman.¹

Artikel ini akan cuba menganalisis silibus pengajian akidah dalam kurikulum Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di universiti awam di Malaysia. Ia menggunakan pendekatan analisis kandungan (*content analysis*). Analisis akan dibuat dengan membandingkan silibus pengajian akidah di peringkat Ijazah Pertama yang ditawarkan oleh dua buah universiti awam terpilih di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penelitian dan penilaian akan dibuat terhadap kandungan silibus dan kesesuaian dalam sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi awam. Ia juga akan menyentuh sejauh mana silibus, termasuk pendekatan pengajaran pembelajaran (P&P) yang diaplikasikan, berjaya menjadi pemangkin pencapaian Falsafah Pendidikan Negara, falsafah ini sepatutnya menjadi landasan bagi sistem pendidikan di Malaysia, bermula dari sekolah rendah hinggalah ke pengajian tinggi sama ada di universiti awam atau swasta.² Falsafah tersebut berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi

¹ Lihat Mohd Fauzi Hamat (2004), “Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas” dalam *AFKAR*, bil. 5, h. 26

² Mohd Salleh Lebar (2000), *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Addison Wesley Longman Malaysia, h. 83-84.

melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”³

Di akhir perbincangan, beberapa saranan dikemukakan bagi memantapkan silibus pengajian akidah di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan memperkukuhkan silibus pengajian akidah di kalangan universiti-universiti pengajian tinggi Islam peringkat serantau, khususnya Indonesia dan Malaysia.

Pengajian Akidah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Di Malaysia

Penyebaran Islam ke Alam Melayu termasuk Malaysia telah menyumbang kelahiran beberapa institusi pengajian Islam sama ada berbentuk formal atau informal. Merujuk kepada pengajian akidah secara khusus, pusat-pusat pengajian ini sama ada di Malaysia, Thailand atau Indonesia amat menekankan pengajian ini. Dalam sistem pendidikan pesantren di Indonesia, subjek Usuluddin dikira sebagai antara pelajaran utama yang diberikan dalam pengajaran dogma keagamaan, selain dari Fikh.⁴ Umumnya pengajian ini berlatarbelakangkan aliran al-Asyā‘irah. Ini dilihat berdasarkan hampir keseluruhan karya akidah yang digunakan sebagai teks pengajaran adalah terdiri daripada hasil-hasil tulisan ulama berlatarbelakangkan aliran al-Asyā‘irah. Karya-karya ini turut menggunakan metode akliah atau hujahan dialektika yang berasaskan logik Aristotle dalam membahaskan isu-isu akidah.⁵ Kini, bentuk pengajian akidah di

³ Pusat Perkembangan Kurikulum (1989), *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

⁴ Lihat Departmen Pendidikan Dan Kebudayaan (1986), *Pendidikan di Indonesia Dari Jaman ke Jaman*. Jakarta: Balai Pustaka, h. 67.

⁵ Mohd Nor bin Ngah (1983), *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars, Research Notes and Discussions Paper no 33*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 9; Mohd Fauzi Hamat (1997), “Pendekatan Falsafah Dalam Perbincangan ‘Ilm al-Kalām Menurut al-Mutakallimūn,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 7, Dis. 1997. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Uni. Malaya, h. 181-184.

peringkat menengah dan tinggi (universiti) di rantau ini telah dibuat beberapa perubahan dan penyesuaian dengan dimasukkan pemikiran ulama beraliran *salafiyyah*, misalnya Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dan lain-lain lagi. Pengaruh konsep tauhid aliran *salafiyyah* Ibn Taymiyyah di Indonesia menyerap melalui aliran *salafiyyah* Muhammad 'Abd al-Wahhāb dari Arab Saudi dan aliran *salafiyyah* dari Mesir. Aliran ini amat menekankan perjuangan membersihkan akidah dan ibadah kaum Muslimin dari bid'ah dan khurafat dan membebaskan dari pemikiran tasawuf yang dilihat sebagai menyimpang dari asas-asas Islam. Ia juga menyeru umat Islam kembali mengikuti ajaran Islam yang suci dan murni.⁶

Hal yang sama juga berlaku di Malaysia, di mana walaupun rata-rata pemikiran akidah umat Islam adalah mengikut akidah aliran al-Asy'ariyyah atau al-Asyā'irah, di Perlis, sebuah negeri terkecil di Utara Semenanjung Malaysia, terdapat kalangan pengikut Ahl al-Sunnah yang beraliran *salafiyyah* yang mendakwa mereka berpegang kepada akidah aliran *salafiyyah*.⁷ Namun demikian, dalam konteks Malaysia, aliran al-Asyā'irah yang masih utuh dipertahankan oleh ulama al-Azhar masih mendominasi silibus pengajian akidah di Malaysia sama ada di peringkat menengah atau peringkat tinggi. Di peringkat menengah, silibus *Thānawiyyah* al-Azhar digunakan bagi peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Di peringkat tinggi pula, pemikiran al-Asyā'irah masih mendominasi kerana lepasan pengajian di beberapa institusi pengajian berbentuk informal dan formal dalam bentuk klasik seperti madrasah, sistem pengajian pondok tradisional dan para graduan lepasan al-Azhar masih merupakan kelompok terbesar yang terlibat dalam pembuatan dasar dan menggubal kurikulum pengajian akidah sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah

⁶ Lihat Amal Fathullah Zarkasyi (2005), 'Konsep Tauhid Ibn Taymiyyah dan Pengaruhnya di Indonesia: Kajian Kes Terhadap Penggubalan Kurikulum Pengajian Akidah Di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo, Indonesia,' Tesis Ph.D, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 380-381.

⁷ Zakaria @ Mahmud bin Daud (1997), "Pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Perlis" dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 6, h. 109.

Sarjana/Magister. Ini bermakna pemikiran akidah yang di luar dari ijthad ulama Asyā'irah-Māturidiyyah tidak diberi keutamaan walaupun ia turut diajar dalam silibus yang ada.

Untuk memudahkan kefahaman terhadap pengajian akidah di IPTA, penulis akan menghuraikan berdasarkan beberapa pecahan sub-sub topik seperti berikut; penawaran bidang pengajian akidah secara ringkas di IPTA dan kandungan silibus pengajian akidah di UM dan UKM yang menjadi fokus penulisan, kemudian dijelaskan dari aspek keupayaan atau kedudukan kursus dalam kerangka umum pengajian Usuluddin di UM dan UKM.

Sorotan Tentang Penawaran Bidang Pengajian Akidah Di IPTA

Pengajian akidah adalah antara bidang pengajian yang terawal dimasukkan dalam kurikulum pendidikan tinggi pengajian/perguruan Islam di Malaysia. Ia ditawarkan serentak dengan penubuhan fakulti, jabatan atau akademi Islam di universiti-universiti tempatan. Secara formalnya pendidikan Islam peringkat tinggi di Malaysia bermula pada tahun 1955, iaitu dengan didirikan Kolej Islam Malaya (KIM) bertempat di Kelang, Selangor. Kolej ini kemudiannya dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1971. Pelajar-pelajar KIM kemudiannya menyelesaikan pengajian mereka di Fakulti Pengajian Islam, UKM.⁸

Di Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah ditubuhkan pada tahun 1957 dan menawarkan pengajian pada sesi pengajian 1959/60 dengan pengambilan pelajar seramai 27 orang.⁹ Jabatan ini dibangunkan di UM sebagai hasil daripada kerjasama UM dengan Kolej Islam Malaya. Kerjasama antara Kolej Islam Malaya ini berakhir pada tahun 1970 apabila institusi tersebut digabungkan ke dalam UKM sebagai Fakulti Pengajian Islam.¹⁰ Ia kemudiannya beroperasi

⁸ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 19.

⁹ Abdullah @ Alwi Haji Hassan (1993), "Pendidikan Islam di Universiti Malaya" dalam *Jurnal Usuluddin*: Bil. 1, h. 91 dan 93 (nota kaki).

¹⁰ Abdul Halim (1989), *op.cit.*, h. 19-20.

untuk suatu tempoh yang lama sehinggalah ia digabungkan dengan Akademi Islam (AI), Universiti Malaya dengan dikenali kini sebagai Akademi Pengajian Islam.

JPI ditubuhkan dengan tujuan untuk:¹¹

1. Melahirkan siswazah-siswazah yang dilengkapi dengan pengetahuan Bahasa Arab, melalui pengajian buku-buku teks klasik, terutamanya di dalam tahun-tahun kedua dan ketiga;
2. Melahirkan siswazah yang dilengkapi dengan latar belakang pengetahuan tentang kebudayaan dan tamadun Islam;
3. Mendorong siswazah, dengan kebolehan akademik, bebas dan kritikal, menilai apa sahaja yang dikaji tentang Islam, dan dengan satu keyakinan melalui pengkajian secara objektif dan adil demikian, akan menjadikan ia sedar bahawa Islam adalah berseesuaian dengan fikiran dan meminta supaya menggunakan fikiran; dan
4. Memperkenalkan seseorang siswazah dengan buku-buku rujukan atau sumber utama, dan melatihnya menggunakan buku-buku itu, bagi melengkapkan mereka untuk meneruskan pengajian kesearjanaan mereka selanjutnya.

Pengajian akidah di Universiti Malaya juga ditawarkan oleh Akademi Islam, Universiti Malaya yang ditubuhkan secara rasmi pada 1 hb. April 1981 hasil pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri¹² yang ditubuhkan oleh kerajaan Kelantan pada 1 Oktober 1965.¹³ Akademi Islam ialah badan induk pentadbiran, perancangan dan perkembangan pengajian ilmu-ilmu Islam, yang mana Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan

¹¹ *Ibid*, h. 93.

¹² Sebelum 1 Julai 1969, ia dikenali sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK). Untuk keterangan lanjut tentang penubuhan YPTIK dan penggabungannya dengan UM, lihat Abdul Halim (1989), *op.cit.*, h. 20-23.

¹³ Abdulllah (1993), *op.cit*, h. 94.

Program Pendidikan Islam adalah di bawah payungannya.¹⁴ Pengajian akidah dimasukkan dalam program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin yang mula ditawarkan pada sesi 1981/82.¹⁵ Sejak dari sesi pengajian tersebut sehingga tahun 2005, Akademi Islam (sekarang Akademi Pengajian Islam) telah mengeluar seramai 2,359 orang pemegang Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan seramai 270 orang pemegang Ijazah Sarjana Usuluddin.¹⁶

Tujuan penubuhan Akademi Islam adalah:¹⁷

1. Memberi peluang kepada pelajar yang berminat mendapat pelajaran lanjut dalam bidang pengajian Islam
2. Melengkapkan siswazah Akademi ini bagi membolehkan mereka menyebarkan Islam kepada orang ramai. Untuk tujuan ini, Akademi Islam bersedia memberi pelajaran dalam bidang pendidikan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran dan lain-lain, selain daripada mata pelajaran agama Islam.
3. Mengeluarkan siswazah berpengetahuan dan berjiwa Islam
4. Menggalakkan usaha penyelidikan mengenai semua bidang pengajian Islam

Setelah itu, Akademi Islam distruktur semula organisasi pentadbiran akademiknya pada tahun 1996. Ia terus berkembang dengan penubuhan 9 buah Jabatan¹⁸ iaitu; (1) Jabatan Akidah Dan Pemikiran; (2) Jabatan al-Qur'an Dan

¹⁴ Universiti Malaya (1994), *Laporan Kegiatan Tahunan 1994 Universiti Malaya*, h. 1.

¹⁵ *Ibid*, h. 96. Selain Program ini, Akademi Islam juga menawarkan Ijazah Sarjana Syariah dan bermula sesi 1982/83, ia menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam yang ditawarkan dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, Pusat Bahasa dan Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

¹⁶ Lihat Universiti Malaya (2005), *Istiadat Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor serta Istiadat Konvoquesyen Universiti Malaya 2005*, 9-14 Ogos 2005, h. 24-25.

¹⁷ *Ibid*, h. 96. Lihat juga Akademi Islam (1989), *Buku Panduan Akademi Islam, Universiti Malaya Tahun Akademik 1989/90*, Kuala Lumpur: Akademi Islam, h. 1-2.

¹⁸ Akademi Pengajian Islam (2005a), *op.cit.*, h. 11.

al-Hadith; (3) Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam; (4) Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan; (5) Jabatan Fiqh Dan Usul; (6) Jabatan Syariah Dan Ekonomi; (7) Jabatan Syariah Dan Undang-Undang; (8) Jabatan Syariah Dan Pengurusan dan (9) Jabatan Siasah Syar'iyah. Selain daripada itu, terdapat 3 program pengajian yang besar iaitu (1) Program Pengajian Islam; (2) Program Pendidikan Islam dan (3) Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam.

Penubuhan APIUM mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu:¹⁹

1. Mengeluarkan siswazah pengajian Islam yang memiliki ilmu yang bersepadu bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini.
2. Menghasilkan penyelidikan mengenai Islam yang bermutu tinggi bagi tujuan peningkatan ilmu dan pembangunan masyarakat.
3. Menghasilkan penerbitan yang berkualiti dalam bidang keislaman yang diterima di peringkat negara dan antarabangsa.
4. Memberi khidmat perundingan dan kepakaran kepada institusi-institusi dan masyarakat umum dalam hal-hal keislaman.
5. Menggalakkan perbincangan dan polemik ilmiah bagi mewujudkan rangkaian dan jaringan intelektual Islam yang maju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
6. Memberi khidmat kepada masyarakat umum melalui berbagai-bagai aktiviti yang munasabah.

Sementara itu, UKM juga merupakan antara IPTA terawal yang menawarkan pengajian dalam bidang akidah/usuludin, iaitu setelah ditubuhkan Fakulti Pengajian Islam, UKM serentak dengan penubuhan UKM pada 18 Mei 1970. Ini adalah susulan dari langkah Kementerian Pendidikan menaik taraf Kolej Islam Malaya ke taraf universiti kolej, dan apabila UKM ditubuh, ia diserapkan ke dalam UKM sebagai

¹⁹ *Ibid.*, h. 7.

salah sebuah fakulti, bersama dua fakulti lain pada masa itu iaitu Fakulti Sains dan Fakulti Sastera.²⁰ Kini Fakulti Pengajian Islam mempunyai lima buah jabatan iaitu Jabatan Syariah, Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan dan Jabatan Pengajian al-Quran Dan Sunnah.²¹ Pengajian akidah di UKM ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Usuluddin dan Falsafah.

Kursus-kursus pengajian berkait dengan bidang Usuluddin dan Falsafah peringkat Sarjana Muda di UKM ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin Dan Falsafah (JUF)²² dalam program Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian (Usuluddin dan Falsafah). Tujuan penubuhan JUF adalah untuk memberi pengajaran dalam bidang ilmu al-Qur'an dan al-Hadith serta akidah, akhlak, falsafah dan pengajian agama berdasarkan kedua-dua sumber tersebut dengan tujuan mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang-bidang berkenaan dan menghayati Islam dalam kehidupan mereka. Penubuhan JUF juga bertujuan memelihara dan memperkembangkan ilmu-ilmu dalam bidang Usuluddin dan Falsafah dan memberi khidmat kepada masyarakat dan negara. Selain itu, ia juga bertujuan melahirkan siswazah yang berfikiran luas dan mendalam yang dapat menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam masyarakat, dan melahirkan tenaga kerja yang berke-trampilan yang diperlukan oleh sektor awam dan swasta dalam masyarakat Malaysia.²³

Selain daripada di UM dan UKM, pengajian akidah/usuluddin juga ditawarkan oleh Universiti Islam Antara-

²⁰ UKM (2005), *Panduan Siswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2005-2006*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, h. 22.

²¹ *Ibid.*

²² Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM terdiri dari 5 buah jabatan dan sebuah pusat iaitu: Jabatan Syariah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah dan Pusat Islam (Pusat Islam tidak menawarkan sebarang bentuk kursus pengajaran). Lihat UKM (2003), *Panduan Pra Siswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2003-2004*, Bangi: Penerbit UKM, h. 23.

²³ *Ibid.*, h. 70.

bangsa Malaysia (UIAM) yang ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Kerajaan Malaysia dan ditaja oleh OIC dan beberapa buah negara Islam. Universiti ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat bagi membolehkan institusi tersebut menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pegantar.²⁴ Pada tahun 13 Mac 1998, kerajaan telah menubuhkan satu lagi institusi pengajian tinggi iaitu Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Ia memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/01 dengan tiga fakulti; Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah dan Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam (kini dikenali Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan-FKP).²⁵ Pengajian akidah di KUIM ditawarkan oleh Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan atau FKP, mana-kala di UIAM, ia ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, atau secara khususnya di Jabatan Usuluddin Dan Perbandingan Agama. Ringkasnya pengajian akidah yang ditawarkan di fakulti/jabatan pengajian yang disebutkan tersebut boleh dikatakan mewakili pengajian akidah di Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. Namun demikian, dalam tulisan ini, hanya silibus UM dan UKM sahaja yang akan dianalisis memandangkan dua institusi tersebut adalah dua institusi yang terawal menawarkan pengajian dalam bidang akidah/usuluddin.

Kandungan Silibus Pengajian Akidah Di UM dan UKM

Antara faktor terpenting yang memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan pendidikan Islam ialah wujudnya silibus yang mantap dalam kurikulum pengajiannya. Penggubalan sesuatu kurikulum ini juga sebenarnya dipengaruhi oleh beberapa faktor, misalnya latarbelakang perkembangan Islam dan corak aliran pemikiran Islam yang bertapak dan mendominasi pemikiran ilmuwan/sarjana yang merumuskan atau menggubal kurikulum tersebut. Tempiasan fenomena ini

²⁴ IUM (2000), *Undergraduate Prospectus 1999-2000*, Gombak: Research Centre, h. 1

²⁵ KUIM (2004), *Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian 2004/05 Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan*, Kuala Lumpur: KUIM, h. 13

turut terkesan dalam konteks pengajian akidah. Kemasukan aliran-aliran seperti al-Asyā'irah dan *al-Salafiyyah* di Malaysia, juga di Indonesia, pengaruh imperialisme dan penjajahan ke atas dunia Islam, perubahan dunia dengan kedatangan zaman pasca modernisme yang membawa bersamanya muatan pemikiran sekularisme, liberalisme dan hedonisme, terorisme, sinkretisme dan lain-lain faktor turut memberi kesan yang signifikan dalam penggubalan kurikulum tersebut. Hal-hal seperti itu perlu ditangani secara berhemat oleh penggubal silibus pengajian akidah. Dalam huraian berikutnya, penulis akan mengemukakan contoh silibus pengajian akidah yang terdapat dalam kurikulum pengajian Usuluddin di UM dan UKM. Tumpuan artikel ini adalah untuk pengajian peringkat Sarjana Muda. Walau bagaimanapun, pengajian akidah peringkat Sarjana juga akan disentuh secara ringkas.

a) Kandungan Silibus Pengajian Akidah di UM

Di UM, Kuala Lumpur, kursus-kursus pengajian akidah ditawarkan oleh Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam (JAPI), Akademi Pengajian Islam. Silibus pengajian akidah disemak dari semasa ke semasa sekurang-kurang 5 tahun sekali. Kali terakhir ia disemak ialah pada tahun 2001 dan pada tahun ini (2006). Suatu Jawatankuasa telah dibentuk untuk menyemak kursus-kursus sedia ada dan proses penyemakan ini sedang berlangsung. Diharapkan pada tahun sesi pengajian 2007/08 kurikulum baru akan diperkenalkan dengan memantapkan silibus sedia ada. Silibus yang ada kini mula digunakan pada sesi pengajian 2002/03. Berdasarkan silibus terkini, beberapa subjek pengajian berkaitan dengan akidah dimasukkan dalam silibus Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Akidah Dan Pemikiran Islam) sama ada Kursus Teras Pengajian Usuluddin (KT), Kursus Teras Wajib Jabatan (KW), Kursus Teras Bukan Wajib/Kursus Elektif (KE) seperti berikut:²⁶

²⁶ APIUM (2002), *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademi 2002/2003*, h. 172, 190-212.

| Kod dan Nama Kursus | Status Kursus | Jum. Jam Kredit |
|---|------------------|-----------------|
| IXEU 1102 Pengantar Usuluddin | KT ²⁷ | 3 |
| IAEU 1104 Al-Tawhīd | KW ²⁸ | 3 |
| IAEU 1106 Al-Nubuwwah wa al-Risālah | KW | 3 |
| IAEU 2103 Metodologi Akidah Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah | KW | 3 |
| IAEU 2302 Al-Sam'iyāt | KW | 3 |
| IAEU 3120 Kajian Bibliografi Akidah Dan Pemikiran Islam | KW | 3 |
| IAEU 1305 Isu-isu Akidah Dalam Perubatan Tradisional Melayu | KE | 3 |
| IAEU 1309 Akidah Dan Pembangunan Manusia | KE | 3 |
| IAEU 2310 Nuṣūṣ al-'Aqā'id | KE | 3 |

Kursus IXEX 1102: Pengantar Usuluddin bertujuan mendedahkan pelajar tentang ruang lingkup pengajian yang berorientasikan Usuluddin dan gagasannya. Perbincangan merangkumi konsep-konsep Pengajian Usuluddin. Sumber-sumber, metode dan ciri-ciri yang merangkumi semua pengajian dalam bidang Usuluddin. Ia menjelaskan pelbagai aspek pengajian Usuluddin dengan perhatian khusus ditumpukan terhadap konsep-konsep teras dalam Islam. Perbincangan kursus ini menekankan tiga asas utama; asas dan dasar pengajian Usuluddin; sumber-sumber dan persoalan utama dalam Usuluddin; perbezaan manhaj (metode) di kalangan aliran-aliran dalam Islam.²⁹ Antara buku rujukan yang digunakan ialah:³⁰

²⁷ Sebelum sesi 2002/03, ia merupakan Kursus Teras Pengajian Usuluddin (KT).

²⁸ Sebelum sesi 2002/03, ia merupakan Kursus Teras Pengajian Usuluddin (KT).

²⁹ APIUM (2005b), *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademi 2005/2006*, Kuala Lumpur: APIUM, h. 157-158.

³⁰ *Ibid*, h. 158.

1. Al-Ghazālī (1982), *al-Arba'īn fi Uṣūl al-Dīn*, Beirut.
2. Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah.
3. W.M. Watt (1985), *Islamic Philosophy and Theology*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
3. Wolfson, Harry Austin (1976), *The Philosophy of The Kalam*. Harvard: Harvard University Press.

Kursus IAEU1104: al-Tawḥīd³¹ memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep sebenar akidah Islam yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah dan pandangan para ulama Islam. Ia juga membincangkan penyelewengan-penyelewengan akidah yang berlaku dalam masyarakat. Kursus ini menerangkan tentang hubungan Islam dengan akidah dan syariat dan pendekatan ulama salaf dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan akidah.³² Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:³³

1. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1397H), *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, Kaherah.
2. 'Abd al-Raḥmān Hasan Harbakah (1979), *al-'Aqīdah al-Īmāniyyah Wa Ususuha*, Beirut.
3. Muḥammad Na'īm Yāsīn (1974), *al-Īmān Kawonuhu wa Haqīqatuh*, Amman.

Kursus IAEU1105: al-Nubuwwah wa al-Risālah bertujuan memperlengkapkan pelajar dengan akidah kenabian (*al-nubuwwah*) dan kerasulan (*al-risālah*) serta pengetahuan tentang kitab-kitab samawi (*al-kutub al-samāwiyyah*) berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith. Ia juga untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan hujah-hujah ilmiah yang membolehkan mereka menolak segala tohmahan dan dakwaan liar mengenai para rasul dan kitab, khususnya Nabi Muhammad s.a.w. dan al-Qur'an yang diturunkan. Kursus ini membincangkan tentang pengertian *al-nubuwwah* dan *al-risālah* mencakupi konsep-konsep seperti 'iṣmah,

³¹ Sebelum sesi 2002/03, ia dikenali sebagai Kursus IXEU 2101 Madkhal al-'Aqā'id. Lihat APIUM (2000), *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2000/2001*, h. 184.

³² *Ibid*, h. 177.

³³ *Ibid*, h. 177.

mukjizat dan rasul terakhir. Ia juga menyentuh persoalan *al-ghaybiyyāt* dan *al-sam'iyiyāt*. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:³⁴

1. Tāhā Dasūqī Hubaishī (t.t.), *Kitāb al-Nubuwwah wa al-Tanabbu' Qirā'at Jadīdah fī Masā'il al-'Aqīdah*, Kaherah.
2. Ḥasan Īsā A. al-Zāhir et. al. (1993), *Buḥūth fī al-Thaqāfat al-Islāmiyyah*, Doha: Dār al-Ḥikmah.

Kursus IAEU2103: Metodologi Akidah Dalam al-Qur'an Dan al-Sunnah bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar tentang metode dan cara akidah Islam disampaikan kepada masyarakat. Kursus ini akan membincangkan tajuk-tajuk seperti kedudukan dan kepentingan akidah dalam Islam, sumber-sumber akidah Islam, metodologi akidah menurut al-Qur'an dan al-Sunnah dalam membawa akidah Islam, keistimewaan metode al-Qur'an dan al-Sunnah dalam membawa akidah Islam, metodologi pembelajaran akidah di zaman sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in, metode Ahl al-Sunnah, ulama fiqh, ulama hadith dan ulama tafsir. Perbincangan mengenai metodologi pengajian akidah secara bersepadu juga dibuat. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:³⁵

1. Abū Ḥasan al-Ash'arī (1977), *al-Ibānah an Uṣūl al-Diyānah*, Kaherah: Dār al-Ansar.
2. Abdul al-Tāhir al-Baghdādī (1981), *Uṣūl al-Dīn*, Kaherah: Dār al-Āfāk al-Jadīdah.

³⁴ *Ibid*, h. 177-178. Sebelum ini, ia dibincangkan dalam Kursus IXEU 2103 *Al-'Aqā'id* menggunakan tiga kitab rujukan utama iaitu kitab *Syarḥ al-Tahāwīyyah fī al-'Aqīdah al-Salafiyyah*, karangan 'Alī bin 'Alī bin Muḥammad, kitab *al-Ṣawā'iq al-Mursalāh 'Alā al-Jahmiyyah wa al-Mu'aṭṭilah*, karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan kitab *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, karangan Muḥammad Sa'id Ramaḍān al-Būṭī. Lihat APIUM 2000, *op.cit.*, h. 185.

³⁵ *Ibid*, h. 179-180. Kursus ini sebelum sesi 2002/03 dinamakan sebagai IAEU 2305: Kaedah Pengajian Akidah. Walau bagaimanapun, ia telah dimantapkan semula dengan pemfokusan metodologi akidah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah berbanding dengan sebelumnya yang memfokuskan kepada metode-metode dan pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh berbagai aliran di kalangan sarjana-sarjana lama perbandingan dan penilaian. Kitab-kitab rujukan yang digunakan dalam kursus IAEU 2305 dikekalkan dengan digugurkan kitab *al-'Iṣṣām*, karangan al-Imam al-Syāṭibi, lihat APIUM (2000), *op.cit.*, h. 205.

3. Abū Hāmid al-Ghazālī (1983), *al-Iqtisād fī al-I'tiqād*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
4. Aḥmad bin 'Abd al-Raḥmān (1993), *al-Sunnah al-Hiwār*, Saudi Arabia: Dār al-Waṭan.

Kursus IAEU2302: Al-Sam'iyāt³⁶ bertujuan untuk menedahkan asas-asas penting untuk memahami perkara-perkara yang dikategorikan sebagai *al-sam'iyāt*. Perbincangan merangkumi konsep dan falsafah *al-sam'iyāt*, sumber-sumbernya dan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan *al-sam'iyāt* termasuk tanggapan-tanggapan negatif terhadapnya. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:³⁷

1. Muḥammad 'Aqil 'Ali al-Mahdali, al-Sayyid, Dr. (1996), *Dirāsāt fī al-Sam'iyāt*. Kaherah: Dar al-Hadith.
2. Ṣalāḥ 'Abd al-'Alīm (1982), *al-'Aqīdah 'alā Daw' al-Qur'ān*, Kaherah.
3. Al-Jazā'irī, Abū Bakr (t.t.), *'Aqīdah al-Mu'min*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
4. Al-Sayyid Sābiq (t.t.), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Kaherah: al-Fatḥ li I'lām al-'Arab.

Kursus IAEU3120: Kajian Bibliografi Akidah Dan Pemikiran Islam pula bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang karya-karya penting dan asas dalam bidang akidah dan pemikiran Islam. Ia menekankan interaksi langsung pelajar dengan karya-karya utama ini, di samping menjelaskan autoriti dan kepentingan karya-karya tersebut dalam bidang masing-masing. Kursus ini akan menjuruskan pengkajian tentang isi, kepentingan dan autoriti karya-karya utama akidah dan pemikiran Islam. Ia menetengahkan karya-karya warisan tentang istilah, bibliografi, autobiografi tokoh akidah dan pemikir Islam. Di samping itu, sumber-sumber primer dan muktabar bidang akidah dan pemikiran Islam merangkumi kitab-kitab akidah berbagai mazhab, perkembangan aliran (*firaq*) akidah dan pemikiran, falsafah Islam dan tasawuf diperbincangkan. Antara buku-buku

³⁶ Kursus ini adalah kursus lama dari sesi sebelum 2002/03 yang dikekalkan dalam silibus terkini.

³⁷ *Ibid*, h. 179-181.

rujukan yang digunakan ialah:³⁸

1. Hājī Khalīfah (1982), *Kashf al-Zunūn*, Beirut: Dār al-Fikr.
2. Ibn Nadīm (t.t), *al-Fihrist*, Tehran: Marvi.
3. Ṭāsh Kubrā Zādeh (1985), *Miftāḥ al-Sa'ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah*, Beirut: Kutub al-'Ilmiyyah.
4. Fuad Sezgin (1412H), *Tārīkh al-Turāth al-'Arabī*, Qom: Maṭba'ah Bahman.
5. Hans Daiber (1999), *Bibliography of Islamic Philosophy*, Leiden: E.J. Brill.

Kursus IAEU1305: Isu-isu Akidah Dalam Perubatan Tradisional Melayu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan aktiviti bomoh, dukun dan tukang sihir yang berleluasa dalam masyarakat Melayu serta pandangan Islam mengenainya. Pengetahuan ini adalah penting untuk menyediakan pelajar bagi menghadapi karenah masyarakat Melayu yang begitu mempercayai bomoh, dukun dan sihir tanpa mengambil kira berkenaan hukumnya dari sudut Islam. Kursus ini membincangkan perspektif Islam terhadap perubatan yang meletakkan tauhid sebagai asas utamanya. Di samping itu, ia turut menjelaskan konsep syirik dalam Islam. Tajuk-tajuk berkaitan sihir, pembomohan, pedukunan, jampi mentera, serapah dan menggunakan bahan-bahan untuk perubatan seperti azimat, tangkal, air dan tumbuh-tumbuhan, akan dibahaskan. Beberapa kajian kes akan dibentangkan oleh pelajar-pelajar untuk menilai tahap kefahaman mereka terhadap kursus ini. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:³⁹

1. As'ad, Yūsuf Mikhail (t.t.), *Mu'taqadāt wa Khurāfāt*. Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyah.
2. Endicott, Kirk Michael (1970), *An Analysis of Malay Magic*. London: Oxford Clavendon.
3. Umar Hashim (1983), *Syetan Sebagai Tertuduh Dalam Masalah Sihir, Pedukunan, Tahayul dan Azimat*. Malay-sia: Pena Mas.

³⁸ *Ibid*, h. 182-183.

³⁹ *Ibid*, h. 185-186.

4. Wahid bin Abdul Salam (1995), *Sihir Dalam Kajian Syariat Islam, Penangkalan Serta Pengobatannya*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
5. Wilkinson, R.J. (1906), *Malay Belief*. London: Luzac.

Kursus IAEU1309: Akidah Dan Pembangunan Manusia bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang kepentingan penerapan akidah dalam latihan dan pembangunan manusia bagi melahirkan pekerja-pekerja yang efektif dan juga untuk mencapai *al-falāḥ* bukan sahaja di dunia, malahan di akhirat kelak. Selain itu, ia juga bermaksud memberi kemahiran kepada pelajar untuk merancang, mengendali dan melaksanakan program latihan dan pembangunan kepada tenaga kerja yang berada dalam pelbagai sektor pekerjaan. Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan konsep latihan dan pembangunan secara perbandingan antara konvensional dan Islam. Ia juga menyediakan pengetahuan tentang bentuk-bentuk program latihan dan pembangunan, asas-asas penganalisan tenaga kerja dan instrumen, kriteria program latihan dan pembangunan yang efektif, jenis-jenis latihan, komponen untuk program latihan dan pembangunan, teknik-teknik latihan, perancangan dan pelaksanaan program latihan serta mengemukakan beberapa contoh latihan yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam kini. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:⁴⁰

1. Altalib, Hisham (1991), *Training Guide for Islamic Workers*. Herndon: IIIT.
2. Said, Hakim Mohamed (1972), *The Employer and the Employee-Islamic Concept*. Pakistan: Dar ul-Fikr al-Islami.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 188-189. Dicadangkan dimasukkan karya berikut sebagai rujukan tambahan Mohd Affandi Hassan (1992), *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and an Alternative Model*. Kuala Lumpur: INTAN. Ini kerana karya ini membincangkan aplikasi pendekatan tauhid dalam bidang pengurusan dan pentadbiran awam di Malaysia berdasarkan kefahaman tentang tiga prinsip utama iaitu tabii manusia (*the nature of man*), tabii kerja/laku buat (*the nature of action*) dan tabii organisasi (*the nature of organisation*). Lihat halaman 30.

3. Sheikh Ghazali Sheikh Abod & Zambry Abdul Kadir (1991), *Pengurusan Perniagaan Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
4. Quṭb, Muḥammad (1994), *Asas Pembangunan Islam*, (terj) Syed Omar Syed Agil, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kursus IAEU2310: Nuṣūṣ al-‘Aqā’id bertujuan mendedahkan pelajar kepada khazanah warisan agung akidah Islam. Ia akan memperkenalkan karya-karya ini, di samping menekankan pendekatan pemahaman yang sesuai apabila berinteraksi dengan teks-teks tersebut. Kursus ini mengentengahkan teks-teks tokoh ulama akidah sepanjang zaman dari berbagai mazhab. Fokus pemilihan teks akan mengambil kira isu-isu yang relevan dengan perkembangan dan permasalahan semasa merangkumi aspek ketuhanan, kenabian dan *al-sam‘iyyāt*. Bacaan, huraian dan perbincangan teks-teks terpilih dari karya-karya utama yang mu‘tabar oleh tokoh-tokoh tersebut akan diketengahkan. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:⁴¹

1. Ḥasan Maḥmūd al-Shāfi‘ī (1991), *al-Madkhal ilā Dirāsat ‘Ilm al-Kalām*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
2. Faiṣal Badīr ‘Aun (1982), *‘Ilm al-Kalām wa Madārisuhu*. Kaherah: Maktabah al-Ḥurriyyah al-Ḥadīthah.
3. H. A. Wolfson (1976), *The Philosophy of the Kalam*. London: Harvard University Press.

Selain dari penawaran subjek akidah peringkat Sarjana Muda di JAPI, Akademi Pengajian Islam, UM juga turut menawarkan pengajian akidah di peringkat matrikulasi atau peringkat persediaan yang ditawarkan oleh APIUM dalam struktur kurikulum Asasi Pengajian Islam di Nilam Puri,⁴²

⁴¹ *Ibid*, h. 193.

⁴² Program Asasi Pengajian Islam, Nilam Puri terbahagi kepada dua program: (1) Asasi Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam yang memerlukan pelajar menyelesaikan 62 jam kredit kursus; (2) Asasi Pengajian Islam dan Sains yang memerlukan pelajar menyelesaikan 61 jam kredit kursus. Lihat APIUM (2005), *Buku Panduan Program Asasi Pengajian Islam Sesi 2005/06*, Kota Bharu: APIUM, h. 41.

Kota Bharu, Kelantan. Terdapat satu kursus pengajian akidah IXAX 0105 Usus al-'Aqīdah yang ditawarkan sebanyak 2 jam kredit. Kursus ini merupakan asas pengajian tentang akidah yang relevan dengan kehidupan para pelajar. Ia akan memberi penekanan kepada pengertian akidah, skop dan keistimewaan akidah Islam sebagai asas, pengaplikasian iman, Islam dan Ihsan dalam kehidupan dan kesan keimanan dalam kehidupan manusia. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan isu-isu semasa seperti iman dan Sains Moden, khurafat, bid'ah, isme-isme moden dan sebagainya. Kursus ini akan berpandukan kepada buku *Mukhtasar al-Mufid fi Syarh Jawharah al-Tawhid* oleh Dr. Nūh 'Alī Salmān.⁴³ Rujukan yang digunakan ialah seperti berikut:⁴⁴

1. As'ad, Yūsuf Mikkali (t.t.), *Mu'taqadāt wa Khurāfāt*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.
2. Quraisy, 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz (t.t.), *Haqīqah al-Īmān*. 2 Jil. Kaherah: Dār al-Hudā.
3. Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1973), *al-Īmān wa al-Ḥayāh*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Kursus pengajian akidah juga ditawarkan sebagai salah satu kursus wajib dalam Program Minor Pengajian Islam, di UM, iaitu kursus IXEX 1106 Prinsip Akidah. Program Minor Pengajian Islam ini ditawarkan kepada semua pelajar Akademi/Fakulti dan Pusat di Universiti Malaya, selain dari Pelajar Akademi Pengajian Islam.⁴⁵ Tajuk-tajuk perbincangan akan ditumpukan kepada interaksi iman dengan manusia secara individu yang menghidupkan rasa mulia diri, kebahagiaan, ketenangan, redha, berwawasan jauh dan gemar mewujudkan budaya kesalingan sesama manusia. Selain dari itu, kursus ini juga akan membincangkan tentang peranan iman sebagai pemangkin dan penjana kekuatan insan, peningkatan produktiviti manusia dan pencetus kepada kelahiran masyarakat yang bertamadun dan ber-

⁴³ APIUM (2005a), *op.cit.*, 48.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ APIUM (2005a), *op.cit.*, h. 325. Lihat juga Fakulti Sastera Dan Sains Sosial (2004), *Buku Panduan Sarjana Muda Sastera Sesi 2003/04*, h. 399.

moral tinggi. Antara buku-buku rujukan yang digunakan ialah:⁴⁶

1. Yūsuf al-Qaradāwī, Dr. (2001), *Iman dan Kehidupan*. Fachruddin Hs. (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
2. Ismail al-Faruqi, Dr. (2000), *Al-Tawhid: Kesannya Terhadap Pemikiran dan Kehidupan*. Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn. Bhd. (terj.) Selangor: IIIT Malaysia & Thinkers Library Sdn. Bhd.
3. Sayid Sabiq (2001), *Aqidah Islam*. Mohd Abdai Rathomy (terj.), cet. xii. Bandung: Penerbit Diponegoro.

Pada peringkat pengajian sarjana, APIUM turut menawarkan pengajian akidah dalam Program Ijazah Sarjana Usuluddin (Secara Berkursus Dan Disertasi) di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam. Terdapat 2 kursus yang ditawarkan sama ada sebagai Kursus Teras Jabatan (KTR) atau Kursus Pilihan Jabatan (KPJ), sebagaimana keterangan berikut:⁴⁷

| Kod dan Nama Kursus | Status Kursus | Jumlah Kredit |
|---|---------------|---------------|
| IAGU 6122 Metodologi Pengajian Akidah Islam | KTJ | 3 |
| IAGU 6322 Isu-isu Semasa Akidah Dan Pemikiran Islam | KPJ | 3 |

b) Kandungan Silibus Pengajian Akidah di UKM

Di UKM, kursus-kursus pengajian berkait dengan bidang Usuluddin dan Falsafah peringkat Sarjana Muda ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin Dan Falsafah (JUF) dalam program

⁴⁶ *Ibid*, h. 327. Semua buku rujukan adalah berbahasa Melayu bagi memudahkan pelajar Akademi/Fakulti dan Pusat Pengajian yang di luar bidang Pengajian Islam mengikuti kursus ini dan ia ditawarkan dengan peruntukan 3 jam kredit.

⁴⁷ APIUM (2005c), *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi Tahun Akademik 2005/2006*, h. 133 & h. 135. Dalam kertas ini, penulis tidak akan mendetilkan huraian tentang silibus ini kerana fokus kertas ini ialah pada pengajian Pra Siswazah (Sarjana Muda).

Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian (Usuluddin dan Falsafah). Dalam program Sarjana Muda ini, secara spesifiknya pengajian akidah ditawarkan dalam Modul Pengajian Akidah Dan Kerohanian (MPAK).⁴⁸ Walau bagaimanapun, beberapa subjek akidah atau yang berkaitan dengan pengajian akidah ditawarkan dalam komponen Kursus Teras Fakulti (KTF), Kursus Teras Jabatan (KTJ) dan Kursus Elektif MPAK (KEMPAK). Butiran penawaran kursus tersebut adalah seperti berikut:

| Kod dan Nama Kursus | Status Kursus | Jum. Unit |
|--|---------------|-----------|
| PY 1182 Akidah Islam | KTF | 2 |
| PH 1142 Ilmu Kalam | KTJ | 2 |
| PH 2343 Kajian Teks Akidah Dan Tasawuf | KTJ | 2 |
| PH 3142 Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah | KEMPAK | 2 |
| PH 3323 Kajian Rohaniyyat Dan Samiyyat | KEMPAK | 2 |
| PH 2323 Isu Akidah Dalam al-Qur'an Dan al-Sunnah | KEMPAK | 2 |
| PH 3353 Pemikiran Akidah Dan Tasawuf Nusantara | KEMPAK | 2 |

Penawaran kursus PY 1182: Akidah Islam adalah untuk memberi kefahaman tentang akidah dalam Islam mengikut keterangan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia kursus asas dan teras untuk memahami dan mengamalkan cara hidup Muslim. Tajuk-tajuk yang diajar seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan Iman, batas-batas keimanan dan kekufuran serta konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (zat, sifat, nama dan af'al), konsep nubuwwah, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian; sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.⁴⁹ Buku-buku bacaan asas untuk kursus ini ialah:⁵⁰

⁴⁸ *Ibid.*, h. 71. Selain dari modul ini, terdapat dua komponen modul/minor lain, iaitu Modul Pengajian Agama Dan Falsafah dan Minor Teknologi Maklumat.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 83.

⁵⁰ *Ibid.*

1. 'Abd al-Ghanī 'Abud (1976), *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Idulujjiyyāt al-Mu'āshirah*, t.tp: Dār al-Fikr al-'Arabī.
2. Al-Ṭahāwī (t.t.), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. t.tp.: Dār al-Fikr al-'Arabī.
3. Al-Bayānūnī, Aḥmad 'Iz al-Dīn (1990), *al-Kufr wa al-Mukaffirāt*. t.tp: Dār al-Salām.
4. Muḥammad 'Abd Allāh Darrāz (1970), *Al-Dīn: Buhūth Mumahhidah li Dirāsāt Tārīkh al-Adyān*. Beirut: Dār al-Kutub.
5. Šābir Tu'aymah (1978), *al-'Aqīdah wa al-Fiṭrah fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Jayl.

Bagi subjek PH 1142: Ilmu Kalam pula, ia memperkenalkan Ilmu Kalam sebagai satu disiplin yang tersendiri dari segi metode dan faktor kelahirannya, isu-isu yang akan dibincangkan antaranya: kewujudan Allah, masalah hubungan zat dengan sifat, qadak dan qadar, kerasulan dan *sam'īyyāt*. Di samping itu, kursus ini membincangkan tentang ketuhanan, kerasulan dan *sam'īyyāt* dari sudut *mutakallimin*.⁵¹ Buku-buku bacaan asas untuk kursus ini ialah:⁵²

1. Farghal, Yaḥyā Hāshim Ḥasan (1972), *'Awāmil wa Ahdāf Nasy'ah 'Ilm al-Kalām fī al-Islām*. Kaherah: Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah.
2. Huwaydī, Yaḥyā (1972), *Dirāsāt fī 'Ilm al-Kalām wa al-Falsafah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.
3. Al-Taftāzānī, Abū al-Wafā' al-Ghanīmī (1966), *'Ilm al-Kalām wa Ba'ḍ Musykilātih*. Kaherah: Dār al-Thaqāfah.
4. Van Ess, Josef (1970), "The Logical Structure of Islamic Theology" dalam G.E. Von Grunebaum. ed., *Logic in Classical Islamic Culture*. Weisbaden: Otto Harrasswitz.
5. Watt, W. Montgomery (1972), *Islamic Philosophy and Theology*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Bagi kursus PH 2343: Kajian Teks Akidah dan Tasawuf, kursus ini turut mengkaji kitab-kitab *turāth* akidah yang

⁵¹ *Ibid*, h. 86.

⁵² *Ibid*.

berkaitan dengan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyiyāt*. Dua teks berikut menjadi teks asas kajian akidah iaitu *Kitāb al-Mawāqif*, karangan al-Ījī dan *Kitāb al-Luma'*, karangan al-Sarrāj, Abū Naṣr.⁵³

Manakala bagi subjek PH 3142: Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah, kursus bertujuan untuk melatih pelajar memahami teks dalam bidang Usuluddin dan Falsafah. Antara teks yang dikaji ialah Tafsir, Hadith, Akidah, Tasawuf dan Falsafah. Teks Akidah yang dikaji ialah kitab *Syarḥ al-'Aqīdah al-Tahāwīyyah*, karangan Abū Ja'far Aḥmad al-Ṭahāwī.⁵⁴

Bagi subjek PH 3323: Kajian Ruhaniyyāt dan Sam'iyiyāt, kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar konsep ruhaniyyāt dan sam'iyiyāt menurut al-Qur'an, Sunnah dan ulama Kalam. Tumpuan khusus kepada kajian tentang malaikat, jin, iblis dan syaitan. Kursus ini juga akan membincangkan secara terperinci permasalahan yang berkaitan dengan sam'iyiyat seperti alam barzakh, alam akhirat, tanda kiamat dan pembalasan. Buku-buku bacaan asas untuk kursus ini ialah:⁵⁵

1. Al-Ṭahāwī, Abū Ja'far Aḥmad (t.t.), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Tahāwīyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
2. Al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn Mas'ūd (t.t.), *Sharḥ al-Maqāsid*. Kaherah: Dār al-Ṭibā'ah al-Amīrah.
3. Al-Ījī, 'Abd al-Raḥmān (t.t.), *al-Mawāqif*. Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah.
4. Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (t.t.), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Mu'asasah al-Ḥalabī.
5. Sayyid Sābiq (t.t.), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Lubnan: Dār al-Kitāb al-'Arabī.

Bagi subjek PH 2323: Isu Akidah Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, kursus ini mendedahkan kepada pelajar ayat al-Qur'an dan nas al-Hadith yang menjadi perbincangan di kalangan aliran-aliran dalam akidah, antaranya ayat al-Qur'an dan nas Hadith yang berkaitan dengan sifat Allah,

⁵³ *Ibid*, h. 89.

⁵⁴ *Ibid*, h. 93.

⁵⁵ *Ibid*, h. 92.

Qada' dan Qadar dan Sam'iyāt. Bahan-bahan bacaan asas ialah:⁵⁶

1. Al-Maydānī, 'Abd al-Raḥmān Hanbakah (1966), *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuha*. Damsyik: Maṭba'ah al-Insyā'.
2. 'Abd al-'Azīz Majzūb (1983), *Af'āl al-'Ibād fī al-Qur'ān al-Karīm*. Tunis: Dār al-'Arabiyyah lī al-Kitāb.
3. Aḥmad Fā'iz (1975), *al-Yawm al-Akhīr fī Zill al-Qur'ān*. Damsyik: Maktabah al-Fārābī.
4. Abū al-Ḥasan al-Asy'arī (1977), *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*. Kaherah: Dār al-Anṣār.
5. Al-Ṭahāwī, Abū Ja'far (t.t.), *Musykil al-Athar*. Beirut: Dār Ṣādir.

Manakala bagi subjek PH 3353: Pemikiran Akidah Dan Tasawuf Nusantara, kursus ini membincangkan pemikiran akidah yang dominan di Nusantara. Ia akan melibatkan perbincangan fahaman Sunni seperti aliran al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah. Kajian mengenai teks-teks akidah di Nusantara juga turut disentuh. Antara bahan-bahan bacaan asas yang berkait dengan akidah ialah:⁵⁷

1. Al-Attas, S.M. Naquib (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16 Century of 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
2. Hasjmy (t.t.), *Syiah dan Ahlusunnah Saling Rebut Pengaruh di Kepulauan Nusantara*. Surabaya: P.T. Bina Ilmu.
3. H.O.K. Rahmat (1983), *Pencemaran Akidah di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Begitulah ringkasan silibus pengajian akidah yang ditawarkan di peringkat Sarjana Muda di UKM. Pada peringkat Sarjana, UKM yang turut menawarkan program Ijazah Sarjana Pengajian Islam (SPI) menerusi Jabatan Usuluddin Dan Falsafah telah mengemukakan beberapa Kursus Wajib (KW) Kursus Elektif (KE) dalam bidang

⁵⁶ *Ibid.*, h. 88

⁵⁷ *Ibid.*, h. 96.

pengajian akidah. Struktur kursus-kursus tersebut ialah seperti berikut:⁵⁸

| Kod dan Nama Kursus | Status Kursus | Jumlah Kredit |
|---|---------------|---------------|
| PQ6013 Metodologi Mutakallimin, Falasifah dan Sufiyah | KW | 3 |
| PB6073 Al-QuranPermasalahan Akidah | KE | 3 |
| PB6013 Seminar Akidah dan Firaq | KE | 3 |

Analisis Terhadap Silibus Pengajian Akidah Di UM dan UKM

Umumnya silibus pengajian akidah yang dikemukakan di IPTA di Malaysia telah melengkapi pengajian 'akidah' sama ada yang sinonim dengan pengajian 'usuluddin' menurut pandangan al-Asy'ari atau satu sub-pengajian dalam *Uṣūl al-Dīn*, sebagaimana yang diterangkan oleh al-Ghazzālī.⁵⁹ Menurut al-Asy'ari, *Uṣūl al-Dīn* mengkaji tentang kepercayaan Islam meliputi soal-soal ketuhanan termasuk masalah sifat-sifat dan perbuatan Tuhan, soal al-Qur'an sebagai kalam atau kata-kata Tuhan, soal firaq atau kelompok-kelompok umat Islam dalam persoalan-persoalan tersebut, malah termasuk juga persoalan qadar atau takdir Tuhan, alam kubur, nikmat syurga dan azab neraka serta keimaman atau kepemimpinan Abu Bakar r.a.⁶⁰

⁵⁸ UKM (2005), *op.cit.*, h. 40. Dalam kertas ini, penulis tidak akan mendetilkkan huraian tentang silibus ini kerana fokus kertas ini ialah pada pengajian Pra Siswazah (Sarjana Muda).

⁵⁹ Lihat al-Ghazālī, Abū Hāmid (1988), *Kitāb Arba'in fi Uṣūl al-Dīn*, Beirut: Dār al-Jīl, h. 6.

⁶⁰ Lihat al-Ash'ari, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'il (1985), *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 13-144. Untuk maklumat lanjut tentang maksud terminologi 'usuluddin' yang digunakan dalam karya-karya penulisan ilmuwan Islam, Lihat Muhammad Nasron Yaakob & Mohd Fauzi Hamat (2003), "Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Analisis Dari Sudut Silibus Pengajian," *Jurnal Usuluddin*, bil. 18, h. 42-44; Muhammad Nasron Yaakob (2003), "Sistem Pengajian Usuluddin Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Suatu Analisis," Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, tidak

Manakala Imam al-Ghazzālī pula dalam kitabnya *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn* mendefinisikan 'usuluddin' sebagai disiplin yang merujuk kepada empat persoalan utama iaitu; pertama: akidah, kedua: syariah; ketiga: sifat-sifat terpuji (*madhmūmah*) dan keempat: sifat-sifat tercela (*maḥmūdah*) pada manusia. Persoalan akidah merujuk kepada ilmu tentang Tuhan termasuk tentang zat, sifat dan perbuatannya, serta ilmu tentang hari akhirat dan kenabian. Persoalan syariah pula merujuk kepada ilmu tentang solat, zakat, puasa, haji, membawa al-Qur'an, zikir, bekerja, bersaudara, amar makruf dan nahi mungkar serta mengikut sunnah Nabi s.a.w. Tetapi, ia bukanlah perbincangan tentang aspek pelaksanaan syariah ini secara luaran yang membawa kepada masalah hukum-hakam dan seumpamanya, tetapi ia lebih merujuk kepada aspek batin dan dalaman bersama-sama pengamalan syariah agama. Usul al-Din juga adalah bidang ilmu yang membincangkan sifat-sifat *madhmūmah* dan cara-cara mengatasi atau membuangnya. Ia turut membincangkan sifat-sifat *maḥmūdah* dan cara-cara memperolehinya. Dua persoalan terakhir ini menunjukkan bahawa bidang Tasawuf dan Akhlak berada di bawah bidang Usuluddin.⁶¹

Silibus yang digunakan dalam kurikulum pengajian akidah di UM dan UKM umumnya adalah bertepatan dengan matlamat pengajaran akidah yang bertujuan untuk mengisbatkan akidah Islamiah di dalam hati para pelajar dan menolak kesamaran-kesamaran atau kekeliruan-kekeliruan yang menyelubunginya. Berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber teks rujukan pengajian yang digunakan, ternyata karya-karya akidah dari aliran al-Asyā'irah banyak dimasukkan dalam senarai rujukan kursus.

diterbitkan, h. 55-57; Ibrahim Abu Bakar (2006), "Ilmu Tauhid, Ilmu Usuluddin dan Ilmu Kalam" dalam Farid Mat Zain, *et.al.* (eds), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, h. 270-283; Muhammad Sharifuddin bin Noh (2003), "Manhaj Imam al-Bukhārī Dalam Akidah: Satu Kajian Terhadap Kitab *al-Tawhīd*" Dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*," Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, APIUM, tidak diterbitkan, h. 101-103.

⁶¹ Lihat al-Ghazālī (1988), *op.cit.*, h. 6.

Keadaan ini adalah sesuatu yang bukan asing kerana aliran al-Asyā'irah adalah aliran utama yang mendominasi pemikiran akidah ilmuwan Islam di Malaysia.

Langkah UKM yang meletakkan kursus akidah sebagai subjek teras pengajian yang perlu diambil oleh semua pelajar program pengajian Usuluddin menerusi kursus PY 1182: Akidah Islam adalah wajar dan tepat. Ia sesuai dan bertepatan dengan kedudukan akidah sebagai teras pengajian Islam. Ini kerana subjek akidah bukan sahaja wajib dipelajari oleh semua pelajar program jabatan-jabatan pengajian Usuluddin, tetapi juga pelajar jabatan-jabatan pengajian Syariah. Kursus seperti ini juga perlu diperkenalkan di UM kerana subjek pengajian akidah yang menekankan perkara-perkara utama dalam pengajian akidah, tidak ditawarkan. Apa yang ada, UM menerusi APIUM memperkenalkan kursus IXEU 1102: Pengantar Usuluddin yang meletakkan asas dan dasar pengajian Usuluddin secara umumnya sebagai salah satu dari tiga tumpuannya. Dua penekanan lain ialah sumber-sumber dan persoalan utama dalam usuluddin dan perbezaan manhaj di kalangan aliran-aliran Islam.⁶² Penelitian terhadap sumber rujukan yang dicadangkan bagi kursus tersebut pula mendapati bahawa tiga rujukan utamanya terdiri dari karya-karya yang membincangkan aliran-aliran pemikiran kalam dalam tradisi Islam.⁶³ Tiga karya yang dimaksudkan ialah:

1. Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah.
2. W.M. Watt (1985), *Islamic Philosophy and Theology*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
3. Wolfson, Harry Austin (1976), *The Philosophy of The Kalam*. Harvard: Harvard University Press.

Kursus yang menekankan perkara-perkara asas tentang akidah bukan sahaja perlu diambil oleh semua pelajar yang memasuki jabatan-jabatan pengajian yang berteraskan

⁶² APIUM (2005b), *op.cit.*, h. 157-158.

⁶³ Ini berbeza dengan senarai rujukan kursus PY 1182: Akidah Islam, sebagaimana yang ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Islam, UKM, sebagaimana yang telah dipaparkan dalam perbincangan sebelum ini.

pengajian Usuluddin, tetapi juga pelajar-pelajar yang memilih jurusan pengajian Syariah. Di APIUM, pelajar-pelajar Program Pengajian Syariah hanya mengambil subjek IXAX 0105 Usus al-'Aqidah⁶⁴ semasa mereka berada di peringkat pengajian Matrikulasi dan penetapan satu kursus dengan peruntukan jumlah jam kredit sebanyak 2 jam kredit adalah tidak memadai. Kursus ini juga turut diambil oleh para pelajar yang memilih jurusan pengajian Usuluddin di Nilam Puri. Lantaran itu, dicadangkan pelajar-pelajar Jabatan/Jurusan Pengajian Syariah di APIUM diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya satu Kursus Wajib Akidah dengan peruntukan 3 jam kredit semasa mereka mengikuti pengajian Sarjana Muda di Kuala Lumpur. Kursus ini sepatutnya berbeza dengan Kursus IXEU 1102: Pengantar Usuluddin kerana fokus yang diberi adalah lebih tertumpu kepada pemikiran Kalam yang bersifat kefalsafahan, tetapi kursus yang kandungannya ialah sama dengan Kursus PY 1182: Akidah Islam yang ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Islam UKM. Penulis mencadangkan agar topik-topik seperti Prinsip-Prinsip Akidah Dalam Ekonomi, Prinsip-Prinsip Akidah Dalam Perlembagaan Negara, Prinsip-Prinsip Akidah Dalam Pengurusan atau Prinsip-Prinsip Akidah Dalam Kepimpinan, Akidah dan Pembangunan Modal Insan dan sebagainya dimasukkan sebagai sebahagian dari kandungan kursus ini dengan tujuan untuk mendedahkan kepada pelajar hubungan akidah dengan bidang-bidang pengajian pengkhususan mereka di jabatan masing-masing.

Bagi memantapkan subjek pengajian akidah di peringkat pengajian tinggi, khususnya dalam mendepani cabaran era pasca moden, persoalan utama yang perlu diberi perhatian ialah sejauh mana bentuk pengajian yang ada mampu mendepani cabaran semasa sama ada cabaran dalaman atau cabaran luaran umat Islam. Antara cabaran dalaman ialah cabaran penyebaran ajaran sesat, amalan khurafat dan syirik dalam amalan perbomohan, pendukunan dan sebagainya. Kursus yang diperkenalkan di UM seperti IAEU 1305: Isu-isu Akidah Dalam Perubatan Tradisional Melayu adalah antara

⁶⁴ APIUM (2005a), *op.cit.*, h. 41.

kursus yang wajar ditawarkan bagi menangani salah satu isu yang disebutkan itu. Selain itu, peranan akidah dalam bidang-bidang pembangunan manusia juga perlu di ketengahkan dalam kursus pengajian akidah. Ini kerana penghayatan terhadap prinsip-prinsip akidah bukan sahaja boleh membangunkan ummah, tetapi juga boleh menghidupkan mereka dari 'kematian', kemunduran, ketertinggalan dan keterbelakangan.⁶⁵ Ini kerana antara kelemahan umat Islam kini ialah ketertinggalan, dan kemunduran dalam bidang pembangunan ekonomi, sosial, politik dan budaya kerana faktor-faktor kemanusiaan yang berindukkan ketidakhahaman dan tiadanya penghayatan mereka terhadap nilai-nilai tauhid dalam menguruskan bidang-bidang tersebut.

Lantaran itu, langkah UM memperkenalkan kursus IAEU: Akidah Dan Pembangunan ada kewajarannya di sini. Cabaran luaran seperti globalisasi, orientalisme, penularan faham liberalisme dan lain-lain juga perlu ditangani menerusi kefahaman terhadap prinsip-prinsip ajaran tauhid dan ini perlu di ketengahkan dalam kursus-kursus pengajian akidah. Kefahaman tentang hal-hal seperti ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada kejayaan usaha-usaha mengupaya ummah bagi mendepani cabaran-cabaran tersebut. Profesor Musa Asy'ari menegaskan bahawa konsep teologi atau akidah tauhid sesungguhnya menjadi dasar dari sistem ajaran Islam itu sendiri. Oleh kerana itu, konsep tauhid tidak hanya berkaitan dengan persoalan teologi

⁶⁵ Untuk keterangan tentang hal ini, lihat Mohd Fauzi Hamat (2002), "Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini," dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 16, h. 12-34. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT (bermaksud): "Wahai orang-orang yang beriman! sahut dan sambutlah (seruan) Allah, dan (seruan) rasul-Nya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah (berkuasa) mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNya lah kamu akan dihipunkan" (*al-Anfal*; 8: 24). Untuk kefahaman lebih jelas tentang hal ini, lihat H.M. Hidayat Nur Wahid (2004), *Mengelola Masa Transisi Menuju Masyarakat Madani*. Jakarta: Penerbit Fikri, h. 29-40.

semata-mata, tetapi juga berkaitan dengan antropologi, kosmologi, aksiologi dan kebudayaan.⁶⁶

Isu lain yang juga tidak kurang pentingnya ialah sejauh mana pengajian Ketuhanan, Kenabian dan al-Sam'iyat yang berlangsung dalam masyarakat mampu mencetuskan perubahan sikap, perilaku peribadi, masyarakat dan negara dalam skala yang lebih besar? Pandangan yang dikemukakan oleh Profesor Mohamad Abu Bakar berikut boleh menjadi renungan dan panduan bagi penggubal subjek pengajian akidah di universiti untuk merangka pengajian akidah yang relevan dengan cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Kata beliau:

“Kehidupan Islam yang terpupuk sepanjang zaman (iaitu yang merujuk kepada Alam Melayu) adalah kesan-akibat interaksi antara kepercayaan tauhid dan amalan keislaman dengan budaya hidup yang sedia wujud dalam sejarah, termasuk anasir animisme dan segmen Hindu-Budhanya, proses pemodenan dan pembinaan negara-bangsa, dan pensejagatan nilai-nilai Barat ekoran imperialisme-kolonialisme, sambil diperkukuh dan dipertahankan oleh dorongan demokrasi dan dana kapitalisme, dalam persekitaran yang begitu kuat dirangsangi oleh Perang Dingin. Ia terbentuk dan terbugar dalam acuan dan adunan yang tidak sepenuhnya mengizinkannya berkembang mengikut momentum dalamannya.”⁶⁷

Dalam isu yang lain pula, pengajian akidah yang juga pernah dikenali sebagai *al-Fiqh al-Akbar* sepatutnya boleh melahirkan individu Muslim yang dapat menghayati dan melaksanakan *al-Fiqh al-Asghar* dengan cara yang sesempurna mungkin. Dalam bahasa yang mudah difahami,

⁶⁶ Musa Asy'ari, Dr. (2002), *Filsafat Islam: Sunnah Nabi Dalam Berpikir*. Yogyakarta: LESFI, h. 180-181

⁶⁷ Mohamad Abu Bakar (2004). “Pembudayaan Islam dan Pertembungan Peradaban di Malaysia,” kertas kerja dibentangkan dalam *Siri Wacana Hmiah Damai (Dunia Melayu dan Islam)*, anjuran Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 April 2004 di Sudut Wacana ATMA, UKM, h. 2.

orientasi pengajian akidah tidak seharusnya hanya terhenti setakat bermatlamat untuk memahamkan pelajar tentang keesaan Allah SWT secara teoretikal dan bersifat kefal-safahan semata-mata, dan ia terhenti setakat itu tanpa berjaya meningkatkan penghayatan ummah terhadap konsep tawhid itu sendiri dalam kehidupan yang nyata sehingga mampu memanifestasikan lahirnya dalam masyarakat individu-individu yang bakal menjadi warganegara soleh yang akan menjadi aset bernilai bagi kelahiran sebuah masyarakat dan negara yang baik, lagi diampuni tuhan (*baladatum tayyibah wa rabbun ghafūr*). Apakah pengetahuan tentang *al-Fiqh al-Akbar* akan turut menyumbang ke arah menyempurna atau memantapkan *al-Fiqh al-Ashghar* secara langsung? Apakah perbincangan tentang kalimah syahadah misalnya, yang ditekankan dalam pengajian akidah hanya berkisar dalam skop penjelasan tentang kedudukan kalimah tersebut sebagai pernyataan yang menandakan keIslaman seseorang manusia setelah ia diucapkannya? Atau perbincangan yang menjelaskan kedudukan deklarasi syahadah yang bukan setakat perlambangan keIslaman seseorang, tetapi juga suatu perisytiharan penerimaan suatu kehidupan tauhid dan penolakan segala isme dan ideologi yang bertentangan dengan tuntutan syahadah itu sendiri?⁶⁸

Untuk mencapai hasrat tersebut, timbul pertanyaan apakah kelemahan atau kegagalan melahirkan pelajar yang mampu memenuhi tuntutan akidah yang dimanifestasikan menerusi kejayaan melahirkan pelajar dan warganegara yang soleh berkait dengan kelemahan sistem pengajian yang termasuk di dalamnya kelemahan muatan kandungannya atau dari segi pendekatan pengajaran subjek tersebut? Sebagai contoh yang spesifik, apakah kelemahan pengajian akidah berdasarkan pendekatan al-Asyā'irah-al-Mātu-ridiyyah misalnya gagal mencapai hasrat tersebut atau kalau dikatakan ia gagal, apakah kegagalan tersebut wajar dikaitkan dengan penggunaan pendekatan bercorak kefal-safahan yang bermanhajkan Mantik Greek susunan Aristotle? Atau kelemahan tersebut boleh dikaitkan dengan

⁶⁸ *Ibid*, 12.

kegagalan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pengajar subjek akidah yang gagal mengaitkan pendekatan tersebut dengan realiti semasa?

Sesungguhnya jawapan-jawapan terhadap persoalan tersebut tidak mudah untuk diberikan oleh seseorang hatta ilmuwan sekalipun yang tidak memahami pendekatan al-Asyā'irah-al-Māturidiyyah dan tidak mampu membezakan antara perkara prinsip dalam akidah yang bersifat tetap dan tidak berubah dengan ijihad ulama dalam menghuraikan prinsip akidah sesuai dengan suasana semasa yang di depan oleh ulama. Bahkan kadang-kadang jawapan yang diberikan oleh ilmuwan yang buta dalam pengajian Falsafah dan tradisi Ilmu Kalam bukan sahaja gagal menjelaskan hakikat yang sebenar, tetapi boleh menggelirukan lagi umat Islam. Jawapan terhadap semua persoalan tersebut akan dapat diketahui secara jelas oleh Muslim setelah ia diberi pendedahan yang secukupnya dalam bidang pengajian akidah berasaskan ruang cakupannya yang begitu besar, sama ada dari segi metodologi pengajian ataupun kandungan silibus pengajiannya. Kandungan silibus tidak berubah, namun metodologi boleh berubah.

Dalam isu yang lain pula, kalangan yang terlibat dengan pengajaran subjek akidah juga harus mengaitkan pengajian akidah dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain. Akidah merupakan ibu bagi segala ilmu dalam Islam. Lantaran itu, pengajian akidah perlu dikaitkan secara langsung dengan beberapa disiplin ilmu seperti Fiqh dan juga Tasawuf. Pengetahuan tentang Ilmu Tasawuf dengan cara yang lengkap dan penghayatan terhadap nilai-nilai kerohanian serta pematuhan terhadap kaedah-kaedah pembersihan dan penghiasan jiwa (*al-takhalliyyah wa al-tahaliyyah*) yang terkandung di dalamnya sebagai contoh, juga akan membolehkan dan mengupayakan Muslim untuk menghayati *al-Fiqh al-Asghar* dengan cara yang sebaiknya. Konsep pengajian yang mempunyai ciri seperti ini telah dikemukakan oleh al-Ghazzālī sebagai "bidang-bidang pengajian Usuluddin" menerusinya kitabnya yang terkenal *al-Arba'in fi Uṣūl al-Dīn*.

Manakala perbincangan tentang Fiqh pula, ia jelas perlu dikaitkan dengan perbincangan akidah. Ini kerana hukum

Islam atau syariat tidak terdiri atas aturan-aturan hukum semata-mata, tetapi juga mengandung unsur teologi, pemisahan antara syariat dan teologi tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang absolute. Masing-masing saling melengkapi dan merupakan kesatuan yang utuh sebagai doktrin Islam. Syariat tidak mungkin dapat ditegakkan tanpa landasan teologi, demikian pula teologi tidak mungkin boleh diamalkan secara praktik tanpa syariat. Seorang Muslim yang sebenar harus dapat bersama-sama mengimplementasikan semua unsur doktrin ini dalam kehidupan hariannya.⁶⁹ Lantaran itu, wajar sekali subjek akidah dijadikan sebagai Kursus Teras/Wajib bagi semua program pengijazahannya, khususnya dalam program-program pengajian yang berteraskan pengajian Islam.

Adalah diperakui bahawa Islam sebagai '*al-Dīn*', sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Syahrastānī dalam kitabnya *al-Mīlāl wa al-Nihāl*, terkandung di dalamnya apa yang dikenali sebagai '*al-ma'rifah*' (pengenalan terhadap Allah SWT) dan '*al-īā'ah*' (ketaatan terhadap Allah SWT). Seorang '*usūliyy*' yang dirujuk kepada orang yang membicarakan tentang persoalan 'tawhid' dan 'ma'rifah' dan seorang '*furū'iyy*' yang dirujuk kepada orang yang membicarakan tentang perkara ketaatan dan syariah⁷⁰ adalah personaliti-persoanaliti yang membicarakan komponen al-Din itu sendiri. Kedua-dua komponen agama ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Seorang yang berjaya mencapai tahap makrifah dan ketauhidan yang unggul sepatutnya berjaya menyerlahkan, menzahirkan atau membumikan prinsip-prinsip ketauhidannya secara nyata di luar mindanya atau di alam luaran. Adalah sesuatu yang menyedihkan kalau ada dalam masyarakat Melayu individu yang amat memahami persoalan akidah, bahkan amat memahiri bidang tersebut tetapi amat dangkal dari segi penghayatan syariah dan ketaatannya kepada Allah SWT

⁶⁹ Fauzan Saleh, Dr. (2004), *Teologi Pembaharuan*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, h. 79.

⁷⁰ Al-Syahrastānī, Muḥammad ibn 'Abd al-Karīm (1990), *al-Mīlāl wa al-Nihāl*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 36; Al-Sayyid Sābiq (2000), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 9.

kerana pemahaman usuluddin sepatutnya memanifestasikan penghayatan syariah dalam bentuk yang sebaiknya dengan panduan ilmu yang bersifat kerohanian.

Ada kritikan yang dilontarkan terhadap pendekatan yang dikatakan tradisional ini oleh sebilangan ilmuwan Islam. M. Amin Abdullah misalnya mempersoalkan pendekatan aliran tradisional yang dikatakan hanya bergantung kepada karya-karya ulama klasik dalam menggubal kursus pengajian akidah. Semua itu dianggap kurang relevan lagi kini kerana ia adalah 'produk sejarah' biasa atau 'produk zaman' yang mengitari kemunculan penulis karya-karya tersebut, sedangkan 'produk' tersebut '*qābilun lī al-taghayyur wa qābilun lī al-niqāsh*' (boleh berubah dan boleh dibincangkan). Kalangan ini memperjuangkan kepentingan menonjolkan pendekatan baru dalam pengajian akidah, iaitu pendekatan ilmu-ilmu sosial dan pendekatan kesejarahan. Menurut mereka, jika 'tradisi' keilmuan tertentu tidak lain dan tidak bukan adalah produk zaman yang mengitarinya, maka tradisi ini dapat sahaja dibahas, dikupas, dikritik dan dianalisis, sehingga tampak mana aspek normatifnya dan mana aspek kesejarahannya; mana aspek 'tujuan', mana aspek 'alat'; mana dimensi 'universalnya' dan mana dimensi 'partikularnya'.⁷¹

Dalam menangani isu cabaran ini wajar juga di ketengahkan saranan agar umat Islam mengambil sikap bersederhana (*wasatiyyah*) dalam menangani isu ini dengan pengertian bahawa mana elemen yang baik boleh dikekalkan dan mana elemen yang tidak sesuai boleh diketepikan. Adalah tidak salah kalau kita ingin mempertahankan tradisi pengajian yang sedia ada dalam masyarakat selagi pendekatan baru yang dicanangkan oleh ilmuwan kita belum mampu menyaingi tradisi tersebut, iaitu selagi apa yang dikenali sebagai 'pendekatan baru' belum berjaya dihuraikan secara mantap dalam satu gugusan idea yang kemas dan tersusun, sebagaimana yang berjaya diketengahkan ulama silam. Kritikan yang dikemukakan oleh sesetengah kalangan

⁷¹ M. Amin Abdullah (1997), *Falsafah Kalam di Era Post Modernisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 32-33 & 36.

pemikir moden ini pada hemat penulis adalah berdasarkan rumusan yang dibuat terhadap kegagalan para pengajar subjek pengajian ini yang tidak berjaya mengaitkan aspek normatif yang ada dalam disiplin tersebut dengan cabaran semasa ummah kini dari sudut praktikalitinya. Namun persoalan yang harus ditanyakan ialah apakah kelemahan tersebut berpunca dari 'hakikat' atau 'nature' sistem pengajian akidah itu sendiri atau kegagalan ulama dalam menghuraikan doktrin-doktrin akidah berdasarkan pendekatan yang sesuai bagi menyahut cabaran masa kini? Pada penulis, muncul polemik seperti ini adalah sesuatu yang sihat jika ia dilihat dari sudut bagaimana untuk menyesuaikan (*accommodate*) pengajian akidah dengan keperluan semasa kerana akidah diturunkan oleh Allah SWT untuk membimbing manusia di sepanjang masa dan ia tetap relevan dalam apa situasi sekalipun. Atas justifikasi tersebut, penulis menyarankan agar pengajar subjek ini didedahkan aspek-aspek kerelevanan pengajian akidah berdasarkan pendekatan al-Asyā'irah-al-Māturidiyyah tersebut dengan persoalan-persoalan yang bersifat kesemasaan dan kalau perlu, boleh difikirkan untuk diperkenalkan subjek-subjek tambahan pengajian akidah yang dikaitkan secara langsung dengan cabaran kehidupan semasa umat Islam.

Sayugia ditegaskan bahawa walaupun amat disedari bahawa tradisi yang ada dicetuskan untuk mendepani cabaran di zaman silam, namun umat kini masih mempunyai ruang untuk menggunakan tradisi yang sama bagi mendepani cabaran masa kini. Lagipun, tradisi yang ada hanya dirujuk sebagai panduan sahaja dalam memahami pentafsiran ulama silam terhadap mesej al-Qur'an dan al-Sunnah itu sendiri dan memahiri metodologi yang digunakan oleh mereka dalam berhujah untuk menegakkan asas-asas kebenaran doktrin teologi Islam. Umat kini masih boleh merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah itu sendiri yang telah menghuraikan persoalan tauhid dalam bentuk yang terang dan jelas. Terdapat banyak ruang yang boleh dikembangkan oleh umat kini berdasarkan tradisi yang ada kerana perbincangan akidah adalah berpaksikan kepada 'tema-tema pokok' ajaran Islam itu sendiri yang sebenarnya

sesuai untuk diketengahkan di mana sahaja dan dalam zaman apa sekalipun.

Adalah amat mustahak ditekankan dalam pengajian akidah kini, kepentingan mengetengahkan ciri-ciri kekuatan akidah yang mampu dikaitkan dengan cabaran modernisasi kini, misalnya bagaimana unsur-unsur akidah mampu membina minda Melayu baru sehingga mereka mampu berdepan dengan kemasukan faham-faham moden yang tidak berasaskan hujah-hujah akal yang meyakinkan. Kalau ulama Kalam di zaman silam mampu menggunakan pendekatan pengajian akidah untuk menghadapi serangan dari aliran falsafah Greek dan dari serangan ahli-ahli teologi agama Kristian dengan menggunakan pendekatan akliah yang berjaya mempengaruhi sebilangan umat Islam sehingga melahirkan golongan-golongan sesat seperti al-Bāṭiniyyah, al-Karāmiyyah dan al-Jahmiyyah; mampu menewaskan musuh Islam di gelanggang mereka dengan menggunakan senjata mereka sendiri, maka kenapa tidak pendekatan yang sama digunakan untuk menentang aliran-aliran moden yang bertuhankan pendekatan akliah yang menjadi ancaman umat Islam di sepanjang zaman. Dalam konteks masa kini, pendekatan akliah ini merupakan inti kepada peradaban Barat moden, sebagaimana terjelma dalam pelbagai bentuk aliran seperti rasionalisme, humanisme, positivisme, scientisme, pluralisme agama⁷² dan lain-lain lagi.⁷³

Andainya perkara ini dapat dilakukan oleh para ulama dan ilmuwan kini, umat Islam bukan sahaja akan dapat menghindarkan diri dari terpengaruh dengan faham-faham moden Barat tersebut, tetapi juga dapat mengelakkan diri

⁷² Untuk melihat beberapa pengamatan penulis tentang kaedah menangani Pluralisme Agama menurut pendekatan akidah, khususnya jika dilihat dari aspek epistemologi, lihat Mohd Fauzi Hamat & Wan Adli Wan Ramli (2006), "Pendekatan Epistemologi Dalam Menangani Pluralisme Agama," kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Islam Dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan*, anjuran Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, APIUM, 18-19 Jan. 2006, h. 35-49.

⁷³ Mohd Farid Mohd Sahran (2001), "Asha'irah dan Ahl al-Sunnah: Satu Pandangan Balas," *Majalah al-Hikmah*, No. 19, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 50.

dari menjadi penyebar budaya-budaya songsang Barat yang merosakkan, misalnya budaya hedonisme atau budaya 'bebas-lepas' yang sedang menggugat keutuhan umat Melayu masa kini. Ini bermakna perlu dimasukkan dalam kurikulum pengajian akidah di peringkat universiti cabaran-cabaran faham moden terhadap umat Islam dan bagaimana pendekatan akidah boleh menolak faham tersebut. Adalah amat tidak bijak andainya pengajian akidah hanya mem-bicarakan secara terbatas kejayaan ulama silam menyanggah cabaran aliran al-Khāwarij, Qadariyyah dan Muktazilah terhadap umat Islam di zaman silam, misalnya sedangkan umat kini yang berdepan dengan berbagai cabaran baru yang berbagai-bagai tidak dipersembahkan kepada mereka kaedah-kaedah 'keusuluddinan' yang boleh mengupayakan mereka untuk berdepan dengan cabaran mereka kini dalam persekitaran semasa.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian tersebut, dirumuskan bahawa pada umumnya pengajian akidah yang ditawarkan oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menepati matlamat tujuan utama pengajian akidah berkisar tentang ketuhanan, kenabian dan *al-sam'iiyyāt*. Maksudnya dari segi teorinya ia telah membincangkan apa yang sepatutnya diajar dalam disiplin pengajian akidah. Namun dari aspek praktikal atau aplikasi akidah dalam kehidupan, kelihatan terdapat ruang yang boleh dimantapkan dalam silibus pengajian akidah yang terdapat di sesetengah universiti yang dikaji. Bagi memantapkan silibus pengajian akidah khususnya di Malaysia, beberapa langkah berikut dicadangkan:

1. Silibus pengajian akidah yang ada di IPTA perlu disesuaikan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang terbangun secara harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Mereka juga perlu menjadi warganegara yang berilmu dan menghayati ilmunya serta dapat menyumbang secara bermakna bagi membangun individu, masyarakat dan negara. Justeru itu pengajian akidah tidak harus sekadar

- untuk melahirkan orang yang 'tahu' tentang prinsip-prinsip akidah, tetapi juga orang yang mampu menghayatinya secara amali dalam kehidupannya.
2. Akademi atau Fakulti Pengajian Islam perlu menawarkan subjek pengajian akidah sebagai Kursus Wajib bagi semua jabatan/jurusan pengajian Islam sama ada Syariah, Usuluddin, Pendidikan Islam atau bahasa Arab. Penekanan dalam kursus ini ialah kandungan asas pengajian akidah berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah dan tidak berdasarkan pendekatan Ilmu Kalam.
 3. Subjek-subjek pengajian pengukuhan bagi pelajar yang memasuki bidang pengkhusan akidah hendaklah berdasarkan pengajian teks kitab *turāth* dengan mengambil kira semua aliran pemikiran akidah yang termasuk dalam ruang lingkup Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Silibus pengukuhan ini hendaklah di sasarkan untuk melahirkan golongan pakar dalam bidang akidah. Pendekatan pengajaran pembelajaran (P&P) juga harus disesuaikan bagi mencapai matlamat tersebut.
 4. Suatu silibus pengajian akidah yang seragam di peringkat IPTA perlu dihasilkan oleh ilmuwan bidang akidah dan pemikiran Islam. Silibus ini hendaklah mengetengahkan pendekatan wasatiyyah yang menjadi ciri utama aliran al-Asyā'irah-al-Māturidiyyah; pendekatan yang mengharmonikan secara mesra antara akli dan nakli. Tumpuan harus diberikan terhadap aspek bagaimana untuk memastikan pengajian akidah kini boleh mendepani cabaran semasa sama ada cabaran dalaman dan luaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam.
 5. Seminar-seminar ilmiah di sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa perlu diadakan secara berkala bagi tujuan penyelarasan silibus pengajian akidah di IPTA di Malaysia.
 6. Penyelarasan dari segi penyediaan buku teks pengajian dan penggunaan bahan asas bacaan bagi mewujudkan kesatuan pemikiran (*wahdah al-fikr*) di

kalangan mahasiswa/i Islam di peringkat serantau. Buku-buku teks yang dicadangkan boleh digunakan secara bersama oleh institusi-institusi terlibat.

7. Suatu Jawatankuasa bersama perlu dibentuk di kalangan pemimpin Fakulti/Kuliah Pengajian Islam di Malaysia bagi melicinkan aktiviti kerjasama akademik ini. Mesyuarat secara dwi-tahunan (dua tahun sekali) boleh diadakan secara bergilir di institusi-institusi yang menganggotai jawatankuasa ini.
8. Kegiatan penyelidikan secara bersama bagi tujuan memantapkan silibus pengajian akidah di peringkat nasional perlu dicetuskan agar inputnya boleh dimanfaatkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi Islam peringkat serantau dan antarabangsa.